

21/02/1998

Sistem giliran KM diteruskan

Lichong Angkui

KOTA KINABALU, Jumaat - Sistem penggiliran jawatan Ketua Menteri Sabah tetap diteruskan tetapi penyandangannya bagi kuota Kadazandusun nanti, tidak semestinya timbalan ketua menteri seperti ketika peralihan daripada kuota Bumiputera kepada Cina, dua tahun lalu.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, janji Barisan Nasional (BN) menjelang pilihan raya negeri 1994 ialah penggiliran jawatan ketua menteri antara tiga kaum di Sabah.

"Soal sama ada dia timbalan (ketua menteri) atau bukan timbalan, adalah soal lain," katanya kepada pemberita di akhir lawatan dua harinya ke Sabah, petang ini.

Perdana Menteri mengulas sistem penggiliran jawatan itu yang dicadangkan beliau pada 1994 bagi memberi peluang kepada tiga kaum utama di negeri ini, Bumiputera Islam, Cina dan Bumiputera bukan Islam, menerajui kerajaan negeri untuk tempoh dua tahun.

Isu mengenai pelantikan Ketua Menteri baru Sabah menjadi perbualan hangat di kalangan rakyat negeri ini sekarang berikutan tempoh jawatan dua tahun Ketua Menteri, Datuk Yong Teck Lee yang mewakili kuota Cina, tamat akhir Mei ini.

Umno memulakan sistem itu apabila Tun Sakaran Dandai dilantik sebagai Ketua Menteri dan kemudian digantikan Datuk Salleh Said Keruak selepas Sakaran menjadi Yang Dipertua Negeri.

Yong kemudian dilantik menjadi Ketua Menteri pada 28 Mei 1996 dan mengikut sistem itu, seorang ketua menteri baru akan dilantik dari kalangan kaum Bumiputera bukan Islam selepas dua tahun dari tarikh itu.

Dr Mahathir yang juga Pengerusi BN berkata, berkata sistem penggiliran itu berjalan baik dan tiada banyak masalah besar dihadapi.

"Nampak ia berjalan baik. Tidak banyak masalah. Kalau pun ada sikit masalah, saya jangka ia perkara biasa. Kalau tiada sistem itu pun, macam itu juga," katanya.

Dua pemimpin Kadazandusun dalam Kabinet Sabah sekarang yang disebut-sebut bakal menggantikan Yong ialah Timbalan Ketua Menteri merangkap Menteri Pembangunan Sumber dan Perusahaan, Datuk Joseph Kurup dan Menteri Pelancongan dan Alam Sekitar, Tan Sri Bernard Dompok.

Mengenai mesyuarat Umno di peringkat bahagian di Sabah, Dr Mahathir yang juga Presiden Umno mengulangi nasihat supaya dikurangkan pertandingan bagi menjamin perpaduan dalam parti.

Sehingga kini tidak nampak wujud penggunaan nama pemimpin tertinggi parti oleh kalangan yang mahu bertanding di peringkat bahagian.

Menurutnya, sambutan ahli Umno di Sabah terhadap nasihatnya supaya dikurangkan pertandingan di peringkat bahagian mendapat sambutan baik.

Keputusan Badan Perhubungan Umno Sabah baru-baru ini untuk tidak mengadakan pertandingan di peringkat bahagian adalah selari dengan saranan Majlis Tertinggi (MT) parti.

Mengenai lawatannya ke Sabah, Perdana Menteri berkata sudah banyak kemajuan dicapai sejak kerajaan BN mengambil alih teraju pemerintahan negeri ini pada 1994.

"Begitu juga dari segi perpaduan kaum dan politik. Sekarang keadaan lebih sihat daripada dahulu," katanya.

Antara yang berada di lapangan terbengkalai menghantar Perdana Menteri ialah Ketua Menteri dan Pengerusi Badan Perhubungan Umno Sabah, Datuk Osu Sukam.

(END)

